

Pemegang jawatan kerajaan tidak wajib bertanding

Oleh Kadir Dikoh

BH 10 MAR 2001

KUALA LUMPUR, Jumaat – Ahli Umno yang memegang jawatan dalam kerajaan tidak semestinya bertanding merebut jawatan dalam pemilihan peringkat bahagian yang bermula bulan depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno itu berkata, bukan dasar Umno mewajibkan mereka berbuat demikian, walaupun parti tidak melarang jika mereka berhasrat untuk turut bertanding merebut jawatan seperti ketua bahagian.

“Kita berpendapat bahawa tidak semestinya seseorang yang mendapat jawatan dalam kerajaan mesti bertanding untuk merebut jawatan dalam bahagian. Tapi kalau dia nak bertanding, itu hak dia. Tetapi anggapan bahawa sebagai orang yang memegang jawatan dalam kerajaan, maka mereka mestilah ada jawatan dalam bahagian, itu bukan dasar Umno.

“Tak payah bertanding pun tak apa. Kita tak boleh nak kata, tak boleh bertanding lang-

sung... tapi jangan kaitkan jawatan dia dalam kerajaan,” katanya selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT), di sini hari ini.

Pindaan Perlembagaan Umno November lalu antara lain membenarkan ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri daripada sesuatu bahagian Umno yang tidak dipilih atau dilantik, menghadiri mesyuarat jawatankuasa bahagian tetapi

tidak boleh mengundi.

Dr Mahathir juga menasihatkan ahli Umno yang ingin bertanding sebarang jawatan dalam pemilihan peringkat bahagian supaya jangan cuba menggunakan nama pemimpin parti untuk mempengaruhi ahli.

“Ada yang kononnya (mendakwa) sebagai calon presiden, ada yang kata dia adalah calon yang direstui oleh presiden melalui mama iaitu isteri

saya. Kita tak nak sesiapa pun berkata ada calon yang direstui oleh sesiapa sama ada saya, timbalan saya atau yang lain-lain.

“Kalau mereka jadi calon, pemilihan mereka atau tidak, bergantung kepada diri mereka bukan kerana direstui atau dicalonkan oleh presiden atau mana-mana pihak,” katanya.

Dr Mahathir berkata, jika dakwaan seperti itu berasas, maka siasatan akan dibuat.

Mengenai politik wang, beliau berkata keadaan menjelang pemilihan kali ini kelihatan bertambah baik.

“Memang ada (dakwaan)... ada kata calon yang lawan dia itu guna duit tetapi kedua-dua belah sama-sama. Tetapi saya tak fikir duit digunakan dengan banyak. Mungkin adalah... minum kopi ke...itu kita tak tahu.

“Setakat ini, tak ada bukti... nampak baik sikitlah pemilihan kali ini,” katanya.